



Dr Asiah bergambar bersama dengan pemenang acara renang.

# Kejohanan MASUM bermula

Oleh Zulfatria  
Abdullah  
bhvarsiti@media-  
prima.com.my

► Durian Tunggal

Seramai 400 pegawai dan atlet daripada 19 universiti awam bersaing dalam Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri I di Kompleks Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kompleks Sukan Hang Jebat, Krubong.

Penolong Naib Canselor (Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni) UTeM, Engr Prof Dr Marizan Sulaiman, berkata pengantaraan kejohanan itu antara usaha menyokong sasaran Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan 30 peratus atlet negara dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Di samping itu, katanya, kehadiran atlet IPT itu juga diharap dapat membantu meningkatkan industri pelancongan.

Antara universiti yang mengambil bahagian ialah Universiti Sains Malaysia

(USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

### 3 acara

Sementara itu, Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr Asiah Mohd Pilus, berkata acara sukan dipertandingkan bersempena dengan kejohanan itu ialah tae kwan do, renang dan skuasy.

"Acara tae kwan do berlangsung di Kompleks Sukan

UTeM, manakala acara renang dan skuasy diadakan di kolam renang dan gelanggang skuasy Kompleks Sukan Hang Jebat.

"Selaku tuan rumah, UTeM mengambil bahagian dalam acara tae kwan do dengan diwakili 10 atlet bagi acara individu dan berpasukan," katanya.

UPM menguasai acara skuasy apabila menjuarai kedua-dua kategori lelaki dan wanita menerusi Ivan Yuen Chee Wern dan Pushpaa Devi Paramesewa.

Acara renang turut dimonopoli UPM apabila berjaya mengaut 13 emas lapan perak dan tiga gangsa keseluruhan bagi acara renang lelaki dan wanita. Tempat kedua milik USM dengan pungutan 10 pingat emas, lapan perak dan 16 gangsa sementara UiTM pada kedudukan ketiga menerusi sembilan emas, 12 perak dan enam gangsa.

## INFO

### Keputusan penuh Kejohanan Siri 1 MASUM 2013

#### ACARA SKUASY

##### Lelaki

**Johan:** Ivan Yuen Chee Wern (UPM)

**Naib Johan:** Raja Mohd Adam Raza Razaman (UIAM)

**Ketiga:** Muhammad Hafizuddin Zulkifli (UMT)

##### WANITA

**Johan:** Pushpaa Devi Paramesewa (UPM)

**Naib Johan:** Zulhijjah Azan (UPM)

**Ketiga:** Nisreen Ab Razak (UiTM)

#### ACARA RENANG

##### Lelaki

**Johan:** USM ( 10 emas, lapan perak, tujuh gangsa )

**Naib johan:** UiTM ( Sembilan emas, sembilan perak, lima gangsa)

**Ketiga:** UPM (Satu perak)

##### WANITA

**Johan:** UPM ( 13 emas, tujuh perak, tiga gangsa )

**Naib johan:** UM ( Enam emas, sembilan 9 perak, lima gangsa)

**Ketiga:** UiTM ( Tiga perak, satu gangsa)

#### ACARA TAE KWAN DO POOMSAE

##### Lelaki Poomsae (Individu)

**Johan:** Too Lap Weng (UKM)

**Naib johan:** Choo Kar Lap (UPM)

**Ketiga:** Raymond Toh Meng Hui (UMS)

##### Wanita Poomsae (Individu)

**Johan:** Jocelyn Chai Shwu In (USM)

**Naib johan:** Melda Dahalan (UMS)

**Ketiga:** Ajla Rafidah Banarom (UPM)

#### Campuran Poomsae

**Johan:** UMS

**Naib johan:** UKM

**Ketiga:** USM

#### Lelaki Poomsae (Berpasukan)

**Johan:** UMS

**Naib johan:** UKM

**Ketiga:** UPM

#### Wanita Poomsae (Berpasukan)

**Johan:** USM

**Naib johan:** UPM

**Ketiga:** UMT

